



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30/01/2018

# 'Krisis parti sendiri pun tak boleh selesai'

BH- 30/1/2018 Pg. 8

➔ Hadi sindir Dr Mahathir tidak layak jadi pemimpin

Oleh Dziaul Afnan Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

▀ Arau

**"M**acam mana nak pimpin negara, kalau isu dalam parti pun tak boleh nak selesai."

Sindiran itu ditujukan oleh Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang kepada Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mo-

hamad, sebagai merujuk insiden pergaduhan ketika Konvensyen Pakatan Harapan di Seremban, Negeri Sembilan, kelmarin.

Hadi berkata, kewibawaan Dr Mahathir memimpin PPBM boleh dipertikai kerana bekas Perdana Menteri itu ternyata tidak mampu menyelesaikan kemelut dalaman parti sendiri pada peringkat negeri.

### Krisis dalaman parti

"Bagaimana nak pimpin negara kalau krisis dalaman parti sendiri pun dia (Dr Mahathir) tak mampu nak selesaikan.

"Belum pilihan raya dah bergaduh. Kalau jadi kerajaan, makin bergaduhlah nanti," katanya ketika ditemui selepas merasmikan majlis pecah tanah Kompleks Pendidikan Ibnu Aqil di Kampung Kubang Siput di

sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Mursyidul Am PAS, Hashim Jasin dan Pesuruhjaya PAS Perlis, Mohd Shukri Ramli.


Kekecohan ketika Konvensyen Pakatan Harapan di Negeri Sembilan ditimbulkan sekumpulan ahli PPBM ketika pembahagian kerusi Dewan Undangan Kerusi (DUN) antara parti dalam gabungan pembangkang di negeri itu untuk berdepan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

### Bantah pembahagian kerusi

Kumpulan terbabit menyuarakan bantahan terhadap Presiden Pakatan Harapan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, ketika mahu menamatkan ucapannya dalam konvensyen itu selepas pembahagian kerusi antara pakatan pembangkang diumumkan.

Pada konvensyen berkenaan, PPBM diumumkan dapat enam kerusi DUN di Negeri Sembilan pada PRU-14 yang semuanya dianggap sukar dimenangi berdasarkan keputusan pilihan raya lalu.

Sementara itu, Hadi dalam perkembangan lain mengingatkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, menyelesaikan segera kemelut membabitkan peruntukan kerajaan negeri kepada wakil rakyat PAS di negeri itu.



Belum pilihan raya dah bergaduh. Kalau jadi kerajaan, makin bergaduhlah nanti"

**Abdul Hadi Awang,**  
Presiden PAS



Keratan akhbar  
BH semalam.